



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No. Sebut Harga : PPJ/JK/SH(S)/0005/2026)

Tajuk Sebut Harga :

**PERKHIDMATAN MEMPERBAHARUI LESEN, MENAIKTARAF DAN MIGRASI SISTEM ANTIVIRUS,
ANTISPAM KE CLOUD BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor** sahaja, dan berdaftar di bawah kod bidang **210103 - COMPUTER SOFTWARE, OPERATING SYSTEM, DATABASE, OFF-THE-SHELF PACKAGES INCLUDING MAINTENANCE** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **6 APRIL 2026 (ISNIN), jam 10:00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Angsana Aras 5, Blok A, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **9 APRIL 2026 (KHAMIS)** hingga **16 APRIL 2026 (KHAMIS)** dengan bayaran **RM10.00** secara atas talian (online) melalui laman web **<https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>**.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **20 APRIL 2026 (ISNIN)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke alamat **spp@ppj.gov.my**
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat **<https://www.ppj.gov.my>**, portal MyPROCUREMENT **<https://myprocurement.treasury.gov.my>** dan portal JPM **<https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>**.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web **<https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat **bantuan.coins@ppj.gov.my**.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.